

Tuduhan Umno Dalang Pemeriksaan JAIS Ke Atas Gereja Tak Masuk Akal
mStar Online
Ogos 20, 2011
Oleh ARIFFUDDIN ISHAK

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak menyifatkan tuduhan pembangkang bahawa pemeriksaan Jabatan Agama Islam (JAIS) terhadap Gereja Methodis Damansara Utama (DUMC) baru-baru ini didalangi oleh Umno adalah sesuatu yang tidak masuk akal.

Presiden Umno berkata, adalah tidak berasas sekiranya Umno dikaitkan dengan insiden berkenaan kerana JAIS terletak di bawah bidang kuasakerajaan negeri yang ditadbir pembangkang.

"Ini semua tuduhan, macam mana kita nak arahkan orang yang bukan dibawah Umno. JAIS di bawah siapa?"

"Takkan Umno boleh arahkan orang bukan Umno buat ini, ini tak masuk akal...susahlah kalau buat tuduhan tak masuk akal, tuduhan melulu,"katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, Jumaat.

Baru-baru ini Setiausaha Agung PAS, Datuk Mustafa Ali menegaskan bahawa beliau mempunyai bukti kukuh yang menunjukkan bahawa Umno merupakan dalang terhadap tindakan JAIS melakukan pemeriksaan terhadap DUMC pada 3 Ogos lalu.

Sementara itu Najib berkata, pendirian Umno berhubung isu berkenaan adalah jelas selaraskan Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa Islam adalah agama rasmi sementara agama lain bebas diamalkan.

"Ini adalah soal negeri dan bukan kerajaan Pusat, ia perludiselesaikan di peringkat negeri.

"Bagi Umno sendiri ia selaras dengan Perlembagaan, Islam adalah agama Persekutuan dan tidak ada sesiapa yang boleh menodai kesuciannya.

"Ini termasuk untuk cuba memesongkan akidah rakyat Malaysia yang beragama Islam,"katanya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source: http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/8/20/mstar_berita/20110819211816&sec=mstar_berita